



**Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti
Prosedur Kerja Selamat (PKS)**

Aktiviti / Tugas: PENGUNAAN BILIK SEJUK (COLD ROOM)	
No. Bilik/Makmal/Bengkel: Makmal Bioperubatan	Jabatan/PTJ: Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Alat Lindung Diri (ALD) / peralatan / lain-lain pertimbangan keselamatan yang diperlukan: - Sarung Tangan Kalis Sejuk - Kasut Keselamatan Anti-Gelincir - Pakaian Tebal Yang Sesuai	
Hazard: - Risiko tergelincir akibat lantai licin - Risiko <i>Hypothermia</i> – penurunan suhu badan yang mendadak kerana terlalu lama berada di dalam Bilik Sejuk - Risiko <i>Asphyxia</i> – kekurangan oksigen kerana peredaran udara terhad - Risiko pencemaran silang dan tindakbalas dari bahan kimia meruap dan agen biologi - Risiko pertumbuhan kulat yang boleh menyebabkan kemerosotan kualiti udara dan risiko kesihatan - Risiko terperangkap di dalam Bilik Sejuk	
Latihan Yang Diperlukan: - Protokol penyimpanan bahan kimia dan bahan biologi - Protokol keselamatan dan kebersihan Bilik Sejuk - Latihan kecemasan sekiranya terperangkap dalam Bilik Sejuk – <i>Panic Button</i>	
Langkah untuk menjalankan tugas dengan selamat:	
Sebelum menjalankan tugas:	
1	1) Memaklumkan kepada penyelia makmal, mengimbas kod QR dan mengisi maklumat yang diperlukan 2) Mendengar penerangan daripada penyelia makmal tentang peraturan keselamatan dan tatacara penggunaan Bilik Sejuk 3) Menjawab soalan ujian kompetensi
Semasa menjalankan tugas:	
2	1) Memakai alat lindung diri yang sesuai 2) Melabel sampel/reagen/bahan eksperimen dengan jelas 3) Menyusun sampel/reagen/bahan eksperimen dengan kemas dan teratur 4) Mengisi log inventori keluar/masuk sampel/reagen/bahan eksperimen 5) Melaporkan kepada penyelia makmal sebarang kemalangan atau tumpahan dengan segera
Selepas menjalankan tugas:	
3	1) Membersihkan lantai sekiranya berlaku tumpahan atau lantai kotor 2) Memastikan sampah atau barangan peribadi tidak ditinggalkan di dalam Bilik Sejuk 3) Memastikan keadaan bersih dan selamat sebelum meninggalkan Bilik Sejuk
Pengesahan:	
Disediakan oleh: Azilawati Binti Azizan Juruteknologi Makmal Perubatan Tarikh: 30/6/2026	Disemak oleh: Pn Siti Mahirah Binti Yusuf Pegawai Sains Kanan Tarikh: 30/6/2026
Diluluskan oleh: En Md Lukmi Bin Ismail Ketua Pegawai Sains Kanan Tarikh: 30/6/2026	